



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MENCARI *LAILATUL QADR*

Tarikh Dibaca:

23 RAMADAN 1444H/

14 APRIL 2023M

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة Kemajuan Islam Malaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MENCARI LAILATUL QADR
14 APRIL 2023 / 23 RAMADAN 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۚ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۚ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۚ

تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ۚ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ۝

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Mencari *Lailatul Qadr***”.

Marilah kita mengambil kesempatan berada dalam 10 hari terakhir dari bulan yang mulia ini untuk meningkatkan amal ibadah seperti solat *tarawih*, *qiamullail*, bertadarus, bersedekah, menunaikan solat secara berjemaah, menghadiri majlis-majlis ilmu dan sebagainya. Bagi yang belum membayar zakat fitrah, tunaikanlah segera Rukun Islam yang keempat itu memandangkan kita sudah hampir ke penghujung Ramadan. Bimbang sekiranya bertangguh-tangguh itu menyebabkan kita terlupa untuk melaksanakannya. Semoga dengan itu, ia akan menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, hari ini kita berada pada hari ke-23 Ramadan. Bererti kita telah pun berada dalam 10 hari terakhir Bulan Ramadan. Apakah kita berpuas hati dengan kualiti ibadah yang telah kita lakukan dalam 22 hari yang lepas? Adakah hari-hari yang berlalu itu telah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT? Masing-masing ada jawapannya dan muhasabahlah dalam ruang kesempatan yang ada. Berbaki masa yang ada ini, ada kesempatan untuk kita menggandakan usaha memperbaiki setiap amal ibadah agar ia benar-benar membuahkkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Kita perlu sentiasa bersyukur kerana masih lagi diberi peluang untk mengabdikan diri kepada Allah SWT lebih-lebih lagi dengan keberadaan kita pada 10 terakhir Ramadan membolehkan kita memburu kelebihan yang dijanjikan dengan malam Al-Qadr (*Lailatul Qadr*), malam yang lebih baik dari 1000 bulan.

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!”. (Surah al-Qadr 1-5)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebahagian besar ulama tafsir berpendapat bahawa penamaan Surah Al-Qadr kerana Surah ini menerangkan keutamaan dan tingginya kedudukan Al-Quran, yang juga diturunkan pada malam yang sangat mulia. Dinamakan Lailatul Qadr kerana kedudukannya yang begitu agung dan mulia di sisi Allah SWT. Oleh sebab malam itu penuh dengan keberkatan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Dukhaan ayat 3:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ۝

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab)*”.

Imam al-Qurtubi rahimahullah mengatakan bahawa, “*Allah SWT mensifatkan malam ini dengan keberkatan kerana Dia menurunkan kepada hamba-hamba-Nya pelbagai berkat, kebaikan dan pahala pada malam yang mulia ini*”.

Secara ringkasnya, para ulama menyebutkan beberapa keutamaan *Lailatul Qadr*, antaranya:

1. Bahawa Allah SWT telah menurunkan al-Quran pada malam itu.
2. Malam itu lebih baik dari seribu bulan (bersamaan 83 tahun).
3. Turunnya para Malaikat pada malam itu.
4. Banyaknya keselamatan pada malam itu dari azab.
5. Istimewanya, Allah SWT menurunkan satu Surah tentang malam itu (Surah al-Qadr).

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT sengaja merahsiakan tarikh sebenar berlakunya Lailatul Qadr supaya ia menjadi pendorong kepada orang ramai untuk berusaha mencarinya dan melakukannya pada setiap masa. Sama juga dengan dirahsiakan waktu mustajabnya berdoa pada Hari Jumaat ini. Tujuannya, supaya kita tidak lekang dari berdoa, beristighfar dan bermunajat memohon kepada-Nya. Rasulullah SAW telah menunjukkan betapa keberkatan malam Al-Qadr tidak wajar dibiarkan berlalu begitu sahaja padahal Baginda merupakan insan yang

paling mulia, bahkan kekasih Allah SWT. Baginda melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Antara hadis yang menunjukkan kesungguhan Baginda SAW ialah:

Daripada A'isyah RA, beliau menceritakan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنْ رَمَضَانَ أَقْبَضَ أَهْلَهُ
وَشَدَّ الْمِئْزَرَ وَأَحْيَا اللَّيْلَ

Maksudnya: “Adapun Rasulullah SAW apabila tiba 10 hari terakhir Bulan Ramadan, Baginda SAW membangunkan ahli rumahnya, mengikat kainnya (menjauhi isteri-isterinya) serta menghidupkan malam tersebut”. (Hadis riwayat Ibn Hibban)

Antara riwayat lain yang menunjukkan akan kesungguhan Baginda SAW ialah hadis yang diriwayatkan daripada A'isyah RA, beliau menceritakan bahawa:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ ، مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW berusaha sedaya upaya pada malam 10 akhir Ramadan melebihi usahanya daripada malam-malam yang lain”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

Rasulullah SAW juga bersabda:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ مِنْ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Carilah lailatul qadar pada sepuluh malam terakhir dari Bulan Ramadan”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Disunatkan padanya untuk melakukan qiamullail, memperbanyakkan berdoa, beristighfar, dan bersedekah. Hal tersebut telah ditunjukkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, beliau berkata: “Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

Maksudnya: “*Barangsiapa mendirikan malam pada malam Al-Qadr dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka akan diberikan keampunan atas dosa-nya yang telah lalu*”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib menyeru kepada seluruh umat Islam untuk menggandakan usaha dan amal ibadah pada 10 hari terakhir Ramadan ini untuk mengejar jaminan pembebasan dari api neraka sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW. Marilah kita bersama-sama merebut keistimewaan dan kelebihan yang dijanjikan pada malam Al-Qadr kerana peluang ini hanya dibuka pada Bulan Ramadan dan tidak terdapat pada bulan-bulan lain. Kita juga tidak dapat menjamin umur kita bahawa sempat atau tidak untuk bertemu dengan Ramadan akan datang. Maka, gunakan peluang dan kesempatan yang ada ini dengan bersungguh-sungguh memohon keampunan dan keredhaan Allah SWT dan merebut kemuliaan malam Al-Qadr. Tunaikan solat secara berjemaah, bangun pada sepertiga malam untuk beribadah, memperbanyakkan membaca Al-Quran, memperbanyakkan bersedekah, Tetapkan fokus pada Bulan Ramadan dan jangan biarkan kesibukan dan keghairahan menyambut hari raya itu mengganggu tumpuan kita untuk beribadah. Semoga Allah SWT membimbing kita dengan hidayah dan taufiq-Nya untuk kita menjadi hamba-Nya yang bertakwa.

Semakin hampir ke penghujung Ramadan ini, pastinya sudah ada yang mula membuat perancangan untuk pulang ke kampung halaman. Maka, khatib mengambil kesempatan ini untuk memberi pesanan kepada sidang Jemaah sekalian agar melakukan persiapan rapi dan pemeriksaan diri, kenderaan, rumah dan sebagainya sebelum melakukan perjalanan. Langkah ini menepati kehendak Maqasid al-Syariah yang menekankan tentang pemeliharaan lima perkara penting iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perbanyakkan berdoa memohon perlindungan kepada Allah SWT, bertawakkal dan meletakkan sepenuh keyakinan kepada pemeliharaan Allah SWT.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa rumusan;
Pertama: Kita perlu sentiasa bersyukur kerana masih lagi diberi peluang untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT lebih-lebih lagi dengan keberadaan kita pada 10 terakhir Ramadan membolehkan kita memburu kelebihan yang dijanjikan dengan malam Al-Qadr (*Lailatul Qadr*), malam yang lebih baik dari 1000 bulan.

Kedua: Allah SWT sengaja merahsiakan tarikh sebenar berlakunya *Lailatul Qadr* supaya ia menjadi pendorong kepada orang ramai untuk berusaha mencarinya dan melakukannya pada setiap masa.

Ketiga: Kita tidak dapat menjamin umur kita bahawa sempat atau tidak untuk bertemu dengan Ramadan akan datang. Maka, gunakan peluang dan kesempatan yang ada ini dengan bersungguh-sungguh memohon keampunan dan keredhaan Allah SWT dan merebut kemuliaan malam Al-Qadr.

Firman Allah SWT:

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا
بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۗ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ٢١

Maksudnya: “Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar”.

(Surah al-Hadid ayat 21)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.